

## PANDUAN DAN SYARAT PERMOHONAN

### 1. Syarat Umum Permohonan

- 1.1 Terbuka kepada semua pensyarah dan staf IPG Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT).
- 1.2 Permohonan merangkumi penglibatan pensyarah dan staf IPGKPT dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, inovasi dan penerbitan sepanjang tempoh **Oktober 2016 hingga September 2017**.
- 1.3 Penyertaan **hanya** boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Apresiasi 2017 (Google form)** yang terdapat dalam laman sesawang IPGKPT (<http://ipgkpt.edu.my>).

### 2. Kategori Penghargaan dan Syarat

- 2.1 Penghargaan dikategorikan seperti berikut;
  - A. **Kategori Penyelidikan:**
    1. Penulisan Artikel dalam Jurnal
    2. Pembentangan Persidangan/Seminar
  - B. **Kategori Inovasi:**

Penyertaan Pertandingan Inovasi
  - C. **Kategori Penerbitan:**
    1. Penulisan Buku/Novel/Antologi Cerpen atau Sajak Modul
    2. Penulisan Buku Terjemahan
    3. Penulisan Bab dalam Buku
    4. Penulisan Kolum/Makalah/Rencana dalam Majalah atau Akhbar
    5. Penyuntingan Buku/Jurnal/Majalah
    6. Penilaian Buku/Artikel Jurnal/Persidangan (Pewasit)
    7. Anugerah Penerbitan
- 2.2 Pensyarah atau staf IPGKPT boleh mengisi **lebih daripada satu** borang penyertaan bagi setiap perkara dalam tiga kategori di atas.
- 2.3 Setiap borang penyertaan perlu disertakan dengan **bukti berbentuk hardcopy** dan dihantar ke **pigeon hole Majlis Apresiasi 2017**. Bukti merupakan salinan bahan-bahan yang boleh menyokong penglibatan individu secara jelas, seperti salinan sijil dan lain-lain dokumen yang menunjukkan butiran penglibatan yang jelas.

- 2.4 Untuk **Kategori Penyelidikan: Penulisan Artikel dalam Jurnal**, hanya salinan **muka surat depan artikel yang telah diterbitkan** akan diterima sebagai bukti, **bukannya** surat penerimaan pihak penerbit jurnal (*acceptance letter*).
- 2.5 Untuk **Kategori Penerbitan**, hanya **buku cetakan pertama** atau **edisi baharu** sahaja yang layak dicalonkan. Salinan bukti yang perlu dikemukakan ialah muka surat hadapan buku dan *verso page* (yang mengandungi maklumat penerbitan) buku.

### **3. Keputusan Penerima Apresiasi 2017**

- 3.1 Hanya individu yang mengisi borang yang disediakan dan memberi butiran yang lengkap, jelas dan, yang menyertakan bahan bukti, layak dipilih sebagai penerima sijil Apresiasi. **Penyertaan melalui email tidak akan dilayan.**
- 3.2 Senarai penerima akan dimaklumkan oleh pihak urus setia Majlis Anugerah Apresiasi Penyelidikan dan Inovasi 2017 pada satu tarikh yang akan ditetapkan.

### **4. Tarikh Tutup Pengisian Borang dan Penyerahan Bahan Bukti**

- 4.1 Tarikh akhir bagi pengisian borang penyertaan dan penyerahan bahan bukti ialah **pada 7 November 2017.**
- 4.2 Penyerahan bahan bukti di luar tarikh yang telah ditetapkan **tidak akan dilayan.**